

EMPIRICAL

The integration of M-Learning in a communication skills course for Peer Mentoring Group (PRS)

Pengintegrasian M-Pembelajaran dalam kursus kemahiran komunikasi kepada Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)

Daniel Lu Yew Ching^{1*}  & Zailah Zainudin² 

¹Unit Bimbingan dan Kaunseling, Sekolah Menengah Kebangsaan Julau, Sarawak, Malaysia

²Malaysian Action Research Network, Negeri Sembilan, Malaysia

ARTICLE HISTORY

Received 26 February 2022

Accepted 22 July 2023

Published 2 September 2023

*CORRESPONDING AUTHOR

Unit Bimbingan dan Kaunseling
Sekolah Menengah Kebangsaan
Julau 96600 Julau, Sarawak,
Malaysia



g-17283686@moe-dl.edu.my

KEYWORDS

Communication skills; guidance
and counselling; M-Learning;
peer mentoring; technology

KATA KUNCI

Bimbingan dan kaunseling;
kemahiran komunikasi;
M-Pembelajaran; pembimbing
rakan sebaya; teknologi

ABSTRACT

This classroom-based action research study in the Malaysian secondary school context outlines the integrative approach used to incorporate mobile learning (M-Learning) into the delivery of a communication skills course for Peer Mentoring Group (PRS) participants during the Covid-19 pandemic. M-Learning refers to the use of mobile devices for the purpose of delivering educational content or learning experiences. Apps such as WhatsApp and Google Forms were harnessed as part of the strategy. Guided by Hendricks' (2016) action research process, the study incorporated reflection, action, and evaluation phases. Data were qualitatively accrued from course presentation documents, student notebooks, and video recordings, then analysed and presented in a narrative format. This study not only enhanced PRS participants' verbal and non-verbal communication skills but also provided a unique opportunity for educators to enhance their technology skills in a novel context.

ABSTRAK

Kajian tindakan berasaskan bilik darjah dalam konteks Sekolah Menengah di Malaysia ini menggariskan pendekatan integrasi untuk melaksanakan M-Pembelajaran bagi menjalankan kursus kemahiran komunikasi kepada Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) sewaktu pandemik COVID-19. M-Pembelajaran merujuk kepada penggunaan peranti mudah alih untuk tujuan

penyampaian kandungan pendidikan atau pengalaman pembelajaran. Aplikasi seperti WhatsApp dan Google Forms telah digunakan sebagai strategi M-Pembelajaran. Proses kajian tindakan Hendricks (2016) telah diadaptasi dengan merangkumi fasa refleksi, tindakan dan penilaian. Data dikumpulkan secara kualitatif melalui dokumen penyampaian kursus komunikasi, buku catatan murid, dan rakaman video. Kemudian, data tersebut dianalisis dan dipersembahkan secara naratif. Kajian ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran komunikasi verbal dan bukan verbal PRS, tetapi juga memberikan peluang kepada guru untuk meningkatkan kemahiran teknologi mereka dalam konteks baharu.

Pengenalan

Pembimbing Rakan Sebaya atau lebih dikenali dengan PRS merupakan murid-murid yang dilantik untuk membimbing rakan sebaya yang memerlukan pertolongan (Abdul Rahman, 1996). PRS telah diperkenalkan sejak tahun 1988 dan merupakan sebahagian daripada program penting Unit Bimbingan dan Kaunseling, Sekolah-sekolah Menengah di Malaysia.

Remaja lebih suka menghabiskan masa dengan rakan sebaya kerana menganggap rakan sebaya lebih memahami apa-apa yang dimahukan oleh mereka daripada dunia persekitaran (Jaafar, 2000). Oleh itu, setiap PRS yang dilantik perlu dilengkapi dengan kemahiran komunikasi yang merupakan sebahagian daripada kemahiran asas pertolongan bagi membolehkan mereka berhubung dengan rakan sebaya secara berkesan. Aspek ini melibatkan penggunaan beberapa kemahiran seperti pendengaran yang aktif dan kawalan nada suara.

Littlejohn (2002) menyatakan bahawa komunikasi merupakan proses memberikan makna dan berupaya untuk mempengaruhi seseorang untuk mempercayai dan melakukan sesuatu seperti yang dikehendaki. Hal ini dikatakan demikian kerana komunikasi sama ada lisan atau bukan lisan akan melibatkan perpindahan pengetahuan, pengertian atau perasaan yang dikongsi bersama-sama melalui mesej yang disampaikan (Fenstermacher & Richardson, 2005).

Kemahiran komunikasi penting untuk dikuasai oleh PRS kerana kemahiran ini merupakan medium untuk menyampaikan sesuatu ilmu serta memainkan peranan penting dalam pembentukan gaya pembelajaran dan kecerdasan emosi (Abdul Aziz & Ahmad, 2008). Sekiranya PRS dilengkapi dengan kemahiran komunikasi, mereka bukan sahaja dapat menyampaikan maklumat dan berhubung dengan baiknya, tetapi juga dapat menjadi contoh dan teladan kepada murid-murid lain daripada aspek budi bahasa dan tingkah laku yang baik (Abdul Rahman, 1996).

Dapatan daripada kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa program latihan seumpama PRS memberikan kesan positif kepada murid-murid sekolah yang mengikutinya. Antara kesan positif yang dapat dikesan kepada peserta kajian ialah peningkatan tahap konsep sendiri (Ahmad Ibrahim, 1987). Selain itu, latihan ini juga dapat menambah keyakinan diri para murid di samping membuatkan mereka lebih berani melibatkan diri dalam majlis perhimpunan sekolah dan menjayakan program orientasi sekolah (Bowman, 1986).

Daripada aspek komunikasi pula, dapatan daripada kajian-kajian lepas juga menunjukkan bahawa program latihan seumpama PRS berjaya melahirkan murid-murid yang mampu memberikan maklum balas dan berkomunikasi secara berkesan dengan rakan-rakan sekolah (Gray & Tindall, 1974). Program latihan ini juga berjaya membentuk rakan sebaya yang sedia mendengar masalah rakan-rakan, menyelesaikan masalah rakan serta menunjukkan tingkah laku yang baik kepada rakan

lain seperti tidak ponteng sekolah (Gray & Tindall, 1974).

Memandangkan pengaruh rakan sebaya mampu mengubah sikap dan tingkah laku rakan sebaya yang lain, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan satu bentuk program pelan tindakan yang dipanggil Program Pembimbing Rakan Sebaya atau PRS (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1996). Program ini merupakan salah satu usaha KPM untuk melatih murid-murid sekolah dengan kemahiran komunikasi dan kaunseling supaya menjadi rakan sebaya yang dapat membantu rakan sebaya yang lain dengan berkesan.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 turut menekankan kepentingan rakan sebaya untuk membina kesedaran dan pelibatan awam terhadap program pendidikan inklusif (untuk murid-murid pendidikan khas), dan merekayasa kumpulan peribumi dan minoriti lain melalui interaksi antara murid orang asli dengan bukan orang asli (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2013). Oleh yang demikian, program PRS boleh diklasifikasikan sebagai program bantuan dan sokongan untuk melahirkan sekumpulan murid yang dapat membantu meningkatkan prestasi pengurusan kaunseling serta kepemimpinan di sesebuah institusi pendidikan melalui teladan yang berkesan kepada rakan sebaya (Ab Rahman *et al.*, 2019).

Isu dan permasalahan

Pendidikan negara berhadapan dengan pelbagai cabaran terutamanya dari segi jadual pengajaran dan pembelajaran apabila penularan pandemik COVID-19 mula dikesan di dalam negara sejak tahun 2020. Semasa peringkat awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat keputusan untuk melaksanakan penutupan semua sekolah di Malaysia. Perkara ini menyebabkan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka tidak dapat dijalankan. Ekoran daripada itu, para guru perlu menstrukturkan proses pengajaran dan pembelajaran semula kepada pembelajaran secara digital dan alam maya.

Keadaan tersebut mendesak para guru untuk menjadi lebih kreatif untuk mempelbagaikan

kaedah pengajaran secara dalam talian. Sebagaimana guru-guru di Malaysia, pengamal dan penyelidik yang merupakan guru B&K juga turut senantiasanya berusaha untuk membimbing PRS untuk menguasai pelbagai jenis kemahiran. Antara kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh PRS termasuklah kemahiran komunikasi. Kemahiran ini memerlukan kursus-kursus yang intensif dan berterusan. Walau bagaimanapun, semasa pelaksanaan PKP pandemik COVID-19, kursus-kursus PRS tidak dapat dijalankan berdasarkan ketetapan takwim yang telah dirancang pada awal tahun 2020. Oleh itu, seperti guru-guru yang lain, pengamal dan penyelidik juga tidak dapat menyampaikan kursus PRS mengikut norma biasa (Zainun *et al.*, 2021; Zainun & Mat Noor, 2022).

Perkara ini merupakan cabaran kepada pengamal dan penyelidik kerana tidak pernah berhadapan dengan situasi sebegini. Oleh itu, pada awal pelaksanaan PKP, pengamal dan penyelidik telah merancang untuk mengadakan kursus kemahiran komunikasi secara dalam talian kepada PRS. Pada peringkat permulaan kajian tindakan ini, pengamal dan penyelidik telah membuat refleksi sendiri mengenai amalan yang terbaik untuk menjalankan kursus kemahiran komunikasi kepada PRS. Pengamal dan penyelidik menyedari bahawa membuat refleksi sendiri berdasarkan pengalaman dan pengetahuan sedia ada dapat membantu guru untuk membuat perubahan, inovasi dan pembaharuan untuk penambahbaikan atau peningkatan profesionalisme.

Pengamal dan penyelidik turut mendapati bahawa kekurangan kemahiran dalam penggunaan aplikasi Google Classroom merupakan halangan bagi mendepani cabaran pengajaran dengan menggunakan teknologi digital. Oleh itu, sepanjang tempoh PKP pada bulan April, pengamal dan penyelidik telah menghadiri beberapa kursus dan webinar dalam talian untuk menguasai kemahiran penggunaan aplikasi digital. Antara webinar yang disertai termasuklah webinar penggunaan Google Classroom dan lulus ujian sehingga Tahap 8, Google Meet serta Zoom. Pengamal dan penyelidik juga mengikuti peperiksaan dan lulus Google Certified Educator Tahap 1 dan Google Certified Educator Tahap 2 yang diambil semasa tempoh PKP.

Inisiatif pengamal dan penyelidik ini bertujuan untuk memastikan pengamal dan penyelidik mahir menggunakan aplikasi Google untuk menyampaikan kursus kemahiran komunikasi secara berkesan kepada para PRS semasa tempoh PKP. Oleh itu, kursus secara dalam talian telah diwujudkan dengan menggunakan Google Classroom. Pemilihan penggunaan Google Classroom adalah berdasarkan hasil dapatan kutipan data kajian melalui Google Forms. Google Classroom merupakan aplikasi yang lebih maju dan menepati ciri-ciri pembelajaran abad ke-21 kerana melaluinya, guru dan murid dapat mencipta persekitaran bilik darjah secara maya.

Namun begitu, pengamal dan penyelidik mendapati bahawa terdapat beberapa cabaran dan kekangan semasa menggunakan Google Classroom. Capaian Internet yang lemah atau tiada jaringan Internet menjadi salah satu punca terbesar PRS yang berada di kawasan luar bandar dan pedalaman tidak dapat membuka dan mengakses Google Classroom. Hal ini berikutan Google Classroom memerlukan capaian Internet yang kuat dan stabil untuk mengaksesnya. Selain itu, PRS yang tidak memiliki komputer juga sukar untuk menggunakan Google Classroom kerana mereka perlu memuat turun aplikasi tersebut. Tanpa gajet, mereka tidak dapat belajar dengan menggunakan Google Classroom.

Dalam hal ini, pengamal dan penyelidik mendapati bahawa terdapat beberapa orang PRS yang kurang berkemampuan untuk memiliki atau tiada kemudahan gajet. Hal ini menyebabkan mereka sukar untuk mengikuti segala pembelajaran secara Google Classroom dan menjadi faktor ketinggalan untuk mengikuti kursus berbanding dengan rakan-rakan yang lain. Seterusnya, pengamal dan penyelidik turut mendapati bahawa kebanyakan PRS kurang berpengetahuan dalam menggunakan Google Classroom kerana sebelum ini mereka tidak diberi pendedahan dalam penggunaan aplikasi ini. Perkara ini menyebabkan PRS kurang berjaya mengikuti kursus secara lancar sekali gus menyebabkan emosi mereka terganggu.

Ekoran daripada itu, pengamal dan penyelidik telah melaksanakan penilaian terhadap potensi penggunaan Google Classroom tetapi disebabkan oleh pelibatan PRS yang kurang

memberangsangkan, objektif kursus tidak tercapai. Hanya 16 orang PRS yang terlibat daripada 38 orang PRS yang ada. Kehadiran PRS semasa kursus dalam talian dijalankan secara langsung juga tidak memberangsangkan. Kerja rumah dan nota yang dikongsikan dalam Google Classroom turut tidak dapat digunakan oleh sebilangan besar PRS kerana kebanyakan PRS tidak dapat menyertai Google Classroom tersebut.

Salah satu faktor utama pelibatan PRS melalui Google Classroom tidak memberangsangkan ialah mereka tidak memiliki capaian Internet yang stabil di rumah panjang di kawasan pedalaman. Oleh yang demikian, sekali lagi pengamal dan penyelidik membuat refleksi dalam kitaran kajian tindakan yang kedua. Setelah menilai pelibatan PRS semasa menyertai kursus secara dalam talian semasa pandemik COVID-19 dengan menggunakan Google Classroom yang kurang memberangsangkan, maka pelan tindakan yang digunakan seterusnya adalah dengan menggunakan pendekatan M-Pembelajaran.

Pendekatan ini digunakan bagi meningkatkan kebolehan dan pelibatan PRS untuk menyertai kursus secara dalam talian semasa pandemik COVID-19 serta mengatasi cabaran semasa menggunakan Google Classroom. Dalam kajian tindakan ini, sebanyak 38 orang PRS telah terlibat dengan kursus PRS secara M-Pembelajaran. Mereka terdiri daripada murid tingkatan 2 hingga tingkatan 5 dan 37 orang daripadanya merupakan kaum Bumiputera Sarawak dan seorang kaum Cina. Kesemua PRS ini tinggal di kawasan luar bandar dan sebilangan besar tinggal di rumah panjang yang mempunyai masalah pengangkutan serta capaian Internet yang teruk.

Penggunaan M-Pembelajaran sebagai pelan tindakan seterusnya adalah untuk meningkatkan kebolehan dan pelibatan PRS sekolah untuk menyertai kursus secara dalam talian semasa pandemik COVID-19. Hal ini berikutan kebanyakan PRS memang sedia ada memiliki telefon pintar jika dibandingkan dengan komputer riba atau komputer peribadi (PC). Selain itu, PRS juga telah memiliki kemahiran dalam penggunaan aplikasi telefon pintar berbanding dengan penggunaan Google Classroom.

Kerangka pelan tindakan

Pelan tindakan kajian ini melibatkan penggunaan pendekatan M-Pembelajaran untuk meningkatkan pelibatan PRS untuk menyertai kursus kemahiran komunikasi semasa pandemik COVID-19. Oleh itu, pendekatan M-Pembelajaran dalam pendidikan dan kemahiran komunikasi merupakan dua parameter penting yang dibincangkan dalam bahagian ini.

Pendekatan M-Pembelajaran dalam pendidikan

M-Pembelajaran merupakan sebahagian daripada pembelajaran dalam talian (E-Pembelajaran) dan pembelajaran jarak jauh. M-Pembelajaran merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknologi telefon mudah alih dalam proses pengajaran dan pembelajaran, membuat rujukan atau medan pencarian maklumat yang berguna pada sesuatu masa (Roslin & Mohamad Salleh, 2021). M-


Pembelajaran dapat dijalankan melalui dua kaedah, iaitu menggunakan capaian Internet ataupun tidak.

Dalam konteks kajian ini, M-Pembelajaran dapat ditakrifkan sebagai penggunaan sebarang peranti mudah alih yang direka bentuk untuk membolehkan maklumat diakses dari mana-mana lokasi dan pada bila-bila masa. M-Pembelajaran merupakan konsep baharu dalam proses pembelajaran dan menekankan keupayaan untuk memudahkan alih proses pembelajaran tanpa terikat kepada lokasi fizikal apabila berlakunya sesuatu proses pembelajaran (Traxler & Kukulska-Hulme, 2005).

Siraj *et al.* (2012) menjelaskan bahawa pendekatan M-Pembelajaran merupakan pembelajaran yang menggunakan peranti tanpa wayar bagi membolehkan pembelajaran berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Penggunaan peranti mudah alih telah menjadi perkara biasa dalam kalangan pelbagai kumpulan usia kerana kemampuan dan ketersediaannya

Rajah 1

Model M-Pembelajaran (diadaptasi daripada Brown, 2005)



(Newhouse *et al.*, 2006). Selain itu, peranti mudah alih ialah alternatif yang lebih murah berbanding dengan peralatan E-Pembelajaran tradisional seperti komputer dan komputer riba.

Daripada perspektif pedagogi, M-Pembelajaran merupakan dimensi baharu yang menyokong proses pembelajaran (Looi *et al.*, 2010). Di samping itu, M-Pembelajaran juga menawarkan persekitaran pembelajaran yang bersesuaian untuk membantu aktiviti pembelajaran di dalam dan di luar kelas (Fleischman, 2001). Sepanjang tempoh PKP, konsep pedagogi telah berkembang dalam konteks pengajaran dengan menggunakan konsep e-pembelajaran bagi amalan pedagogi inovatif guru yang membawa kepada pembaharuan terhadap pembelajaran telah dijalankan.

Berdasarkan [Rajah 1](#), Brown (2005) menerangkan konsep M-Pembelajaran. Secara ringkasnya, M-Pembelajaran merupakan subset kepada Pembelajaran Elektronik. Pembelajaran Elektronik merupakan konsep makro yang melibatkan persekitaran pembelajaran dalam talian dan M-Pembelajaran. [Rajah 1](#) ini juga memaparkan hubungan antara Pembelajaran Elektronik dengan M-Pembelajaran. M-Pembelajaran ialah subset kepada Pembelajaran Elektronik, sementara Pembelajaran Elektronik ialah subset kepada Pembelajaran Jarak Jauh. Pembelajaran Jarak Jauh pula menjadi subset kepada Pembelajaran Fleksibel.

Kemahiran komunikasi

Perkataan komunikasi berasal daripada bahasa latin iaitu 'communicatio' yang bermaksud biasa atau perkongsian (Durham Peters, 2008). Komunikasi merupakan suatu proses penyampaian atau pemindahan mesej daripada seorang individu kepada individu lain. Pihak ini berupa perseorangan, komuniti, masyarakat, kelompok, atau yang lainnya. Proses ini mewujudkan dan menyemai kefahaman orang lain mengenai mesej yang disampaikan dan kedua-duanya mencapai kefahaman yang dikongsi bersama-sama.

Komunikasi ialah suatu proses yang menghubungkan satu bahagian ke bahagian lain di dunia ini (Holmes, 2005).


Melalui komunikasi, sesuatu maklumat dan perkara dapat diketahui. Komunikasi bertindak sebagai wadah pertukaran idea, pendapat, maklumat, perhubungan dan sebagainya yang mempunyai tujuan, lalu dipersembahkan secara peribadi atau tidak peribadi melalui simbol atau isyarat bagi tujuan mencapai matlamat organisasi (Rosenblatt *et al.*, 1983). Komunikasi juga merupakan medium utama bagi mesej untuk disampaikan. Komunikasi merupakan satu bentuk rasa yang melibatkan perhubungan sesama manusia, iaitu perbualan, pandangan dan mengurus konflik.

French (1993) berpendapat bahawa komunikasi yang berkesan akan terjadi apabila minda antara individu saling memahami. Dalam erti kata lain, mesej yang disampaikan itu dapat difahami sebagaimana yang dikehendaki oleh individu berkenaan. Tuntasnya, kualiti kemahiran komunikasi individu mempengaruhi kualiti kehidupan seseorang. Individu yang berkomunikasi dengan berkesan sebenarnya menggunakan setiap pancaindera dengan bijaksana. Pernyataan ini disokong oleh Decker (1993) yang berpendapat bahawa menguasai seni kemahiran komunikasi berkesan ialah kunci untuk mencari maklumat dan perhubungan.

Untuk memudahkan kefahaman terhadap komunikasi, Natashadora (2013) dan Jumelan (2014) mencadangkan analisis kemahiran komunikasi seperti [Rajah 2](#) di bawah. Berdasarkan [rajah](#) tersebut, pengamal dan penyelidik telah menggunakan kerangka kemahiran komunikasi untuk membuat penilaian terhadap tahap penguasaan kemahiran komunikasi para PRS. Penilaian penguasaan kemahiran komunikasi lisan merangkumi kemahiran bertutur, berbahasa dan membentang, manakala penilaian tahap penguasaan kemahiran komunikasi bukan lisan pula mengambil kira aspek menulis dan menyampaikan idea.

Rajah 2

Model kemahiran komunikasi (diambil dari Seymour, 1960)

**Metodologi**

Kajian tindakan merupakan salah satu penyelidikan sistematik yang dijalankan bagi mencari penyelesaian berkesan terhadap masalah sebenar yang dihadapi oleh pengamal dalam kehidupan seharian mereka (Stringer, 2014). Oleh itu, sebagai pengamal dan penyelidik, kerangka proses kajian tindakan Hendricks (2016) yang melibatkan proses merefleksi, bertindak dan menilai (lihat Rajah 3) diadaptasikan dalam kajian ini. Berdasarkan kerangka tersebut, pengamal dan penyelidik telah merefleksi cara untuk menambah baik amalan diri untuk menyampaikan kursus kemahiran komunikasi kepada PRS semasa tempoh PKP, pandemik COVID-19.


Pada peringkat permulaan, pengamal dan penyelidik bertindak menggunakan kaedah Google Classroom untuk menyampaikan kemahiran komunikasi kepada PRS dan membuat penilaian terhadap tindakan tersebut. Hasil daripada penilaian yang dijalankan, pengamal dan penyelidik telah membangunkan pelan tindakan dengan mengintegrasikan M-Pembelajaran untuk menyampaikan kursus tersebut kepada PRS.

Dalam kajian ini, pengamal dan penyelidik telah menjalankan proses kajian tindakan (Hendricks, 2016) sebanyak dua kitaran dalam usaha untuk menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran semasa tempoh PKP, pandemik COVID-19. Perkara ini bertepatan dengan Hendricks (2016) yang menggambarkan kebolehan kajian tindakan yang dapat meningkatkan amalan bilik darjah dan sekolah melalui kajian sistematik berdasarkan refleksi berterusan. Model ini menunjukkan cara seseorang guru dapat mengenal pasti masalah latihan dan dengan menggunakan kitaran kajian tindakan, masalah tersebut dikaji bagi meningkatkan amalan mereka.

Kajian tindakan merupakan satu proses yang bermula dengan fasa tinjauan dan penilaian terhadap amalan profesionalisme yang lalu seseorang pengamal dan penyelidik (McNiff, 2017). Tindakan ini digunakan apabila penyelidik ingin membuat penilaian amalan bekerja diri untuk melihat pencapaian amalan tersebut mempengaruhi pembelajaran diri sendiri serta melakukan penambahbaikan (McNiff & Whitehead, 2012). Proses kajian tindakan mempunyai tiga fasa, iaitu merefleksi, bertindak dan menilai yang

Rajah 3

Proses kajian tindakan merefleksi, bertindak dan menilai (diadaptasi dari Hendricks, 2016)



merangkumi dua kitaran proses kajian (Hendricks, 2016).

Kajian pendidikan melalui kajian tindakan tidak bermatlamat untuk menghasilkan pemahaman yang boleh diterima sebagai kebenaran sejagat. Kajian tindakan berkaitan tentang cara pengamal dan penyelidik dalam keadaan semasa dan konteks sendiri memahami apa-apa yang dapat dilakukan untuk memastikan semua nilai dan tujuan boleh disedari dalam situasi pengajarannya sendiri (McNiff, 2007). Oleh itu, menjadi kewajaran bagi kajian tindakan ini menggunakan frasa ‘pengamal dan penyelidik’ kerana bertepatan dengan pendekatan naratif yang digunakan (Reason, 1998).

Pengumpulan dan penganalisan data

Elemen penting untuk melaksanakan sesuatu kajian tindakan ialah pengumpulan data. Kajian tindakan memerlukan pelbagai kaedah mengumpulkan data bagi mendapatkan maklumat. Tindakan ini melibatkan proses pengumpulan data, membuat pemerhatian terhadap sesuatu yang sedang berlangsung, merekod, mengumpulkan, memilih dan mengasingkan data serta memahami masa dan cara data akan digunakan. Hal ini juga melibatkan beberapa perkara seperti mengumpulkan data

berkaitan dengan amalan yang dapat didokumenkan dengan jelasnya bagi menyatakan apa-apa yang sebenarnya berlaku, serta data diinterpretasi untuk membolehkan pengamal dan penyelidik memerihalkan jangkaan penjelasan mengenai apa-apa yang berlaku.

Menurut Hendrick (2016) lagi, terdapat tiga kategori data, iaitu artifak, pemerhatian dan data ikuiri. Dalam kajian ini, data jenis artifak telah digunakan bagi mengukur pencapaian objektif pembelajaran atau kemajuan murid. Beberapa artifak dapat digunakan untuk penilaian formatif yang berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran untuk memantau pelaksanaan sesuatu pelan tindakan. Sebelum pelan tindakan dijalankan, data PRS telah dikutip untuk menentukan pelan tindakan yang sesuai untuk meningkatkan kebolehan dan pelibatan mereka semasa menyertai kursus dalam talian semasa pandemik COVID-19. Soal selidik dengan menggunakan Google Forms telah digunakan untuk mengutip data tersebut. Kemudian, analisis secara kuantitatif dalam bentuk graf telah dijalankan untuk melihat dapatan soal selidik.

Perbincangan bersama-sama dengan guru kaunseling juga telah diadakan untuk mendapatkan

data kualitatif. Salah satu data artifak penilaian formatif yang digunakan dalam kajian ini ialah hasil nota PRS setelah mereka menghadiri kursus secara M-Pembelajaran. Melalui nota ini, pengamal dan penyelidik dapat mengumpulkan maklumat mengenai tingkah laku PRS yang tidak mudah dilihat. Sebagai contohnya, apabila mereka belajar sendiri di rumah semasa COVID-19 serta tahap pemahaman PRS dalam sesuatu topik yang dibincangkan dapat dikenal pasti. Menggunakan penilaian formatif dapat membantu untuk menilai pelan tindakan secara berterusan sepanjang kajian ini dijalankan.

Selain itu, pengamal dan penyelidik juga menggunakan data visual sebagai salah satu sumber pengumpulan data. Data visual di sini merujuk rakaman video dan foto yang dibuat oleh PRS sebagai tugas mereka dalam sesuatu topik. Kaedah visual digunakan sebagai rekod kekal untuk tujuan penilaian dan analisis tahap kefahaman PRS. Rakaman audio dan video amat penting untuk membuat refleksi pengajaran secara M-Pembelajaran serta melakukan penambahbaikan jika perlu.

Yusri *et al.* (2018) menyatakan bahawa video mempunyai kelebihan kerana mempunyai kebolehan ulang tayang semula dengan cepatnya dan program-program dalamnya boleh dibuat dengan pelbagai versi bahasa dalam pita yang sama. Walau bagaimanapun, untuk menghasilkan satu produk berbentuk video, usaha ini melibatkan beberapa peringkat kemahiran, iaitu daripada yang mudah sehingga kepada peringkat yang kompleks. Kemahiran ini melibatkan beberapa elemen seperti penulisan skrip, rakaman foto, rakaman suara, rakaman video sehingga kepada peringkat penyuntingan video yang memerlukan interaksi secara aktif dengan pelbagai individu dan pengendalian peralatan (Dimyati, 2006). Hal ini merupakan cabaran kepada PRS.

Kaedah penceritaan secara naratif pula telah digunakan untuk menganalisis dan membincangkan dapatan kajian tindakan ini. Analisis data merupakan proses yang kompleks kerana melibatkan pertimbangan antara data yang konkrit dengan konsep abstrak, antara penaakulan induktif dan deduktif, serta antara deskripsi dengan interpretasi (Merriam, 2002). Analisis naratif ialah

genre kerangka kritis yang melibatkan pengamal dan penyelidik mentafsirkan cerita yang diceritakan dalam konteks kajian dan dikongsi dalam kehidupan seharian. Elemen-elemen ini merangkumi cara dan kaedah cerita disusun, fungsi cerita, isi dan kandungan cerita, dan cara cerita itu dilakunkan.

Pengamal dan penyelidik telah menganalisis naratif daripada pelbagai sumber untuk tujuan analisis, seperti mengumpulkan sejarah lisan atau menjalankan temu bual yang memberikan tumpuan kepada cerita mengenai jenis pengalaman atau siri pengalaman tertentu. Analisis naratif juga mungkin meneliti kisah yang didokumentasikan dalam artifak 'kehidupan sebenar' seperti dalam jurnal, buku harian, catatan media sosial, dan transkripsi ceramah yang merangka cerita, contohnya pengucapan awam.

Kumpulan rakan kritis

Kumpulan rakan kritis merupakan kumpulan sokongan yang penting semasa pengamal dan penyelidik menjalankan kajian tindakan ini bagi meningkatkan amalan individu sendiri bersama-sama dengan rakan-rakan sekerja yang lain (Kuh, 2016). Baskerville dan Goldblatt (2009) menjelaskan bahawa rakan kritis merupakan seseorang individu yang boleh dipercayai, mengemukakan soalan yang sukar dan mencabar, menawarkan kaedah alternatif untuk melihat masalah, dan memberikan kritikan yang membina. Kumpulan rakan kritis dibentuk atas nilai dan kepercayaan yang serupa bagi mencapai matlamat yang sama (Swaffield, 2005).

Sepanjang kajian dijalankan, pengamal dan penyelidik telah diberi tunjuk ajar serta sokongan oleh sekumpulan guru yang terdiri daripada pelbagai bidang untuk mengenal pasti persoalan kajian, membina pelan tindakan, serta membuat penulisan pelaporan kajian (Mat Noor & Shafee, 2021). Kumpulan rakan kritis yang disertai oleh pengamal dan penyelidik telah dipimpin oleh pensyarah-pensyarah dan pendidik-pendidik yang mempunyai kepakaran dalam bidang kajian tindakan dan mereka juga merupakan penulis bersama bagi artikel kajian tindakan ini.

Dapatan dan perbincangan

Pelaksanaan pelan tindakan M-Pembelajaran

Jadual kursus kemahiran komunikasi secara M-Pembelajaran telah dibuat sepanjang tempoh pandemik COVID-19 dari bulan Jun hingga bulan Julai 2020. Pada peringkat permulaan, pengamal dan penyelidik telah merancang pendekatan M-Pembelajaran dengan membina modul kemahiran komunikasi mengikut tahap kesesuaian setiap PRS. Modul ini telah dibina dengan mengadaptasi Modul Pembimbing Rakan Sebaya Kebangsaan (Kementerian Pelajaran Malaysia [KPM], 2010). Modul tersebut merangkumi tahap-tahap PRS termasuklah Bongsu (Tingkatan 1), Muda (Tingkatan 2-3), Sulong (Tingkatan 3-4) dan Bestari (Tingkatan 4-6) (lihat [Jadual 1](#)). Bagi tahap Bongsu, kemahiran komunikasi merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh PRS dan mereka perlu lulus ujian untuk mencapai tahap Muda. Begitu juga semasa tahap Muda dan Sulong, PRS perlu mengambil kursus komunikasi dan interpersonal serta perlu lulus ujian tahap.

Setelah modul kemahiran komunikasi dibina, pengamal dan penyelidik menyediakan bahan dalam bentuk PowerPoint (PPT) dan Portable Document Format (PDF). Bahan disediakan dalam


bentuk PPT dan PDF untuk memudahkan PRS memuat turun bahan mengikut jenis telefon pintar yang dimiliki oleh mereka. Bahan PPT dan PDF yang telah lengkap disemak oleh salah seorang rakan Guru Bimbingan dan Kaunseling. Semakan dilakukan supaya modul yang digunakan bersesuaian dengan PRS serta mudah difahami dan aktiviti yang dirancang dapat dijalankan dengan baiknya. Perancangan tersebut diterjemahkan seperti [Rajah 4](#).

Berdasarkan [Rajah 4](#), bagi membolehkan pengamal dan penyelidik melaksanakan pelan tindakan M-Pembelajaran dengan mewujudkan kumpulan WhatsApp 'PRS Family' yang mempunyai 38 orang ahli PRS. Pengamal dan penyelidik telah mengintegrasikan aplikasi WhatsApp dalam M-Pembelajaran kerana semua PRS memiliki telefon pintar jika dibandingkan dengan komputer riba atau komputer peribadi (PC). Selain itu, PRS juga memang telah terdedah dengan penggunaan telefon pintar sebagai peranti dalam proses pengajaran dan pembelajaran sebelum tempoh PKP lagi. Bahan modul kemahiran komunikasi PPT dan PDF telah dimuat naik ke dalam kumpulan WhatsApp sehari sebelum kursus dijalankan supaya PRS dapat memuat turun bahan dan membuat bacaan dengan lebih awal.

Jadual 1

Kerangka Modul PRS mengikut tahap-tahap yang ditetapkan (KPM, 2010)

Tahap Bongsu	Tahap Muda	Tahap Sulong	Tahap Bestari
Tingkatan 1 – 2	Tingkatan 2 – 3	Tingkatan 3 – 4	Tingkatan 4 – 6
1. Pengenalan PRS 2. Kesedaran sendiri 3. Asas komunikasi 4. Awal remaja	1. Konsep sendiri 2. Komunikasi 3. Psikologi remaja 4. Asas kaunseling	1. Kemahiran interpersonal 2. Kemahiran kepimpinan 3. Menyelesaikan masalah 4. Membuat keputusan 5. Kemahiran kaunseling	1. Kemahiran fasilitator 2. Kemahiran kualiti keterampilan diri 3. Pengurusan organisasi

Rajah 4*Proses pelan tindakan M-Pembelajaran***Penilaian pelan tindakan M-Pembelajaran**

Semasa kursus dijalankan, perbincangan telah dijalankan bersama-sama dengan PRS mengenai sesuatu subtajuk kemahiran komunikasi. PRS boleh membuat rakaman audio melalui WhatsApp sekiranya mereka mempunyai pertanyaan dan pengamal dan penyelidik juga membalas rakaman audio untuk menerangkan sesuatu tajuk. Penggunaan audio dan visual membawakan pengalaman yang berbeza terhadap sistem deria manusia dan perkara ini telah dikenal pasti dan dibincangkan sejak tahun 1980-an. Secara ringkasnya, penggunaan audio dan visual dapat merangsang kreativiti dan meluaskan pengalaman murid (Jan *et al.*, 2012).

Pada setiap akhir sesi, PRS telah membuat satu refleksi dalam kumpulan WhatsApp mengenai apa-apa yang dipelajari oleh mereka. Sebagai contohnya, seusai PRS mempelajari tajuk, 'Seorang pemimpin perlu menguasai teknik berkomunikasi', mereka dikehendaki untuk membayangkan dan menjawab persoalan, "sekiranya dilantik sebagai seorang pemimpin, bagaimanakah mereka dapat menyampaikan komunikasi dengan berkesan?" Selain itu, bahan tambahan seperti pengajaran yang bersesuaian dengan tajuk kemahiran komunikasi daripada YouTube turut disertakan dalam kumpulan WhatsApp bagi membolehkan PRS membuat akses. Penggunaan video sebagai media pembelajaran dapat membuatkan kegiatan pembelajaran PRS lebih terarah (Dimiyati, 2006).

Selepas menghadiri setiap kursus kemahiran komunikasi secara M-Pembelajaran, PRS diberi tempoh satu minggu untuk membuat nota kefahaman sendiri seperti **Rajah 5**. Berdasarkan nota tersebut, pengamal dan penyelidik mendapati bahawa pemahaman salah seorang PRS terhadap kemahiran komunikasi adalah amat baik dan

memuaskan. Tahap penguasaan PRS tersebut adalah pada tahap 5, iaitu tahu, faham dan boleh buat dengan beradab terpuji berdasarkan penilaian tahap penguasaan Pentaksiran Bilik Darjah (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2018). Melalui nota tersebut, PRS juga dapat membuat penilaian sendiri mengenai kemahiran yang telah dipelajari oleh mereka.


Salah satu cabaran pengamal dan penyelidik untuk melaksanakan M-Pembelajaran ialah proses menyemak nota dan hasil kerja PRS memandangkan mereka sukar untuk berkongsi nota melalui telefon bimbit. Hal ini berikutan PRS memerlukan data Internet yang tinggi dan banyak bagi membolehkan mereka memuat naik nota dan hasil kerja secara dalam talian sekali gus membebaskan kewangan keluarga. Oleh itu, pengamal dan penyelidik hanya membuat semakan selepas sekolah dibuka. Untuk memantapkan penguasaan kemahiran komunikasi PRS pula, penilaian melalui Google Forms telah dijalankan melalui soalan berbentuk objektif dan subjektif. Pautan Google Forms telah diintegrasikan dalam kumpulan WhatsApp untuk dijawab oleh PRS dan sebilangan besar mereka dapat menjawab soalan penilaian yang telah diberikan dalam Google Forms tersebut.

Komunikasi secara lisan

Bagi membantu pengamal dan penyelidik memahami tahap penguasaan kemahiran komunikasi secara lisan PRS secara praktikal, mereka diarahkan untuk membuat rakaman video. Secara ringkasnya, PRS perlu membincangkan sesuatu topik yang dipilih oleh mereka sendiri dalam bentuk rakaman video. Kemudian, PRS membuat rakaman video mengenai topik tersebut dan menghantar hasil rakaman tersebut ke dalam kumpulan WhatsApp.

Rajah 5

Nota yang dihasilkan oleh PRS sebagai aktiviti pengayaan



Semasa proses membuat rakaman video, PRS perlu mengaplikasikan kemahiran komunikasi secara lisan yang telah dipelajari oleh mereka. Sebagai contohnya, salah seorang PRS telah membincangkan isu COVID-19, iaitu berkaitan tentang aktiviti yang dilakukan olehnya semasa tempoh PKP. Dalam rakaman video tersebut, PRS telah mengaplikasikan kemahiran komunikasi secara lisan seperti penekanan kepada sebutan intonasi yang pelbagai. Berikut merupakan petikan-petikan rakaman video yang dihantar. Pengamal dan penyelidik mendapati bahawa PRS tersebut berasa gembira setelah menyiapkan tugas yang diberikan.

“...rakan-rakan di luar sana yang tak buat kerja sejak PKP ini, tolonglah buat kerja. Yang PT3 tu, tolonglah buat macam saya ada buat tapi ada juga yang tak siap, jadi saya tunggu untuk masuk sekolahlah, jadi kena marablah nanti...”

“...sejak kes korona virus ini dah menurun, saya ada bermain badminton dekat dewan masyarakat di pusat sukan dekat Julau, ia ada dibuka untuk pemain badminton, jadi kami bermain ikut SOPlah...”

Melalui rakaman video yang dihantar, pengamal dan penyelidik mendapati bahawa kebanyakan PRS telah menguasai kemahiran komunikasi secara lisan secara berkesan. Penilaian rakaman video mendapati bahawa PRS menyampaikan mesej dengan jelasnya, menimbulkan rasa seronok kepada penerima dan membuatkan penerima bermotivasi untuk melakukan tindakan susulan. Hal ini menunjukkan bahawa PRS mengaplikasikan kaedah yang berkesan dalam kemahiran komunikasi melalui kepimpinan rakan sebaya (Dopp & Block, 2004) sekali gus memberikan tunjuk ajar kepada rakan sebaya untuk membantu mereka belajar (Gersten *et al.*, 2000).

Komunikasi secara bukan lisan

Seterusnya, pengamal dan penyelidik telah menyediakan tugas kepada PRS untuk memantapkan penguasaan kemahiran komunikasi secara bukan lisan yang telah dipelajari mereka. Tugas tersebut memerlukan PRS menyediakan satu rakaman video berkaitan dengan tujuh langkah mencuci tangan dengan betulnya dengan menggunakan aplikasi TikTok. Aplikasi TikTok dipilih kerana penggunaannya amat popular dalam kalangan murid semasa pandemik COVID-19. Selain itu, aplikasi TikTok amat mudah digunakan

dan mesra pengguna serta menawarkan video berdurasi pendek dan memberikan ruang kepada pengguna untuk berkarya dengan mudahnya (Yang, 2020).

Pada peringkat permulaan, PRS perlu mengetahui tujuh langkah untuk mencuci tangan dan mengaplikasikan kemahiran komunikasi secara bukan lisan semasa membuat rakaman video. Antara elemen komunikasi secara bukan lisan yang perlu diaplikasikan oleh PRS termasuklah


penggunaan bahasa badan, bahasa isyarat, pergerakan mata, dan mimik muka. Setelah PRS menyiapkan rakaman video, mereka perlu menghantar rakaman video tersebut melalui WhatsApp. Salah satu rakaman video PRS telah mendapat johan dalam Pertandingan Challenge #7Stepshandwashing anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia. Petikan rakaman video tersebut ditunjukkan dalam [Rajah 6](#).

Rajah 6


Petikan video TikTok Challenge #7Stepshandwashing



Langkah 1 – Basuh tangan dengan sabun




Langkah 2 – Gosok tapak tangan




Langkah 3 – Gosok setiap jari




Langkah 4 – Gosok di tapak tangan



Langkah 5 – Gosok belakang tangan



Langkah 6 – Basuh tangan dengan air



Langkah 7 – Keringkan tangan dengan tuala

Refleksi keseluruhan

Secara ringkasnya, pengintegrasian M-Pembelajaran membolehkan pengamal dan penyelidik menerapkan elemen-elemen kemahiran komunikasi dalam kalangan PRS dengan berkesan. Pengintegrasian M-Pembelajaran sebagai pelan tindakan dalam kajian ini telah meningkatkan kebolehan dan pelibatan PRS semasa menyertai kursus dalam talian semasa pandemik COVID-19. Sebilangan besar PRS menunjukkan pelibatan mereka dalam kursus komunikasi pada tahap yang memuaskan dan mereka dapat mengakses bahan kursus dan kerja rumah serta tugas yang dijalankan secara M-Pembelajaran. Sesi perbincangan juga berjalan dengan lancarnya dalam kumpulan WhatsApp selain PRS menghantar tugas mereka melalui Google Form.

Pengintegrasian M-Pembelajaran dalam kursus kemahiran komunikasi telah dapat meningkatkan amalan profesionalisme sendiri pengamal dan penyelidik. Setiap cabaran dan rintangan yang dilalui telah dapat diatasi melalui penggunaan pelbagai aplikasi telefon bimbit. Kebanyakan PRS juga meluahkan rasa gembira kerana mereka dapat menjalani kursus kemahiran komunikasi dengan lancar dan baik. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kemenjadian PRS dan meningkatkan kemahiran komunikasi mereka. Perkara ini memberikan kepuasan kepada pengamal dan penyelidik kerana berupaya untuk melaksanakan kursus komunikasi meskipun ditentang dengan pelbagai halangan disebabkan pandemik COVID-19.

Kesimpulan

Sebagai refleksi, pandemik COVID-19 atau tempoh PKP telah mengajar pengamal dan penyelidik untuk senantiasa berusaha untuk mencari alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran. Sebelum kajian ini dilaksanakan, pengamal dan penyelidik tidak mempunyai pengalaman untuk menggunakan M-Pembelajaran untuk menyampaikan kursus PRS. Sebagai Guru Bimbingan dan Kaunseling, pada mulanya,

pengamal dan penyelidik berasa kursus atau latihan kemahiran kepada PRS secara bersemuka adalah lebih sesuai dan efisien.

Namun begitu, setelah berusaha untuk mengintegrasikan M-Pembelajaran dengan menggunakan beberapa aplikasi teknologi, pengamal dan penyelidik menyedari bahawa objektif kursus dan latihan PRS mampu dicapai dengan menggunakan kaedah pembelajaran dalam talian dan jarak jauh. Pendekatan M-Pembelajaran yang membolehkan murid mengakses kursus dan latihan PRS pada bila-bila masa dan tidak terhad kepada sesuatu kawasan merupakan antara kelebihan penting kepada pengamal dan penyelidik untuk menjalankan kajian ini.

Selain itu, pengamal dan penyelidik juga menyedari peri pentingnya usaha untuk mempertingkatkan kemahiran mengendalikan pengajaran melalui pelbagai aplikasi sejajar dengan perkembangan teknologi pembelajaran pada masa ini. Antara aplikasi baharu yang akan digunakan oleh pengamal dan penyelidik bagi menyampaikan kursus PRS pada masa hadapan termasuklah Wakelet. Namun, dalam masa yang sama, pengamal dan penyelidik perlu memahami tutorial menggunakan sesuatu aplikasi kerana setiap perisian memerlukan masa untuk dipelajari (Johnston-Wilder *et al.*, 2016).

Seterusnya, pengamal dan penyelidik juga menyedari bahawa bukan semua teknologi atau aplikasi pembelajaran yang ada di pasaran sesuai dengan PRS. Semuanya bergantung pada jenis peranti yang dimiliki oleh PRS. Kebanyakan PRS hanya mampu memiliki peranti yang murah dan aplikasi yang terhad. Selain itu, masih terdapat PRS yang belum pernah terdedah dengan penggunaan beberapa aplikasi baharu untuk dijadikan sebagai M-Pembelajaran. Oleh itu, pengamal dan penyelidik perlu pandai memilih aplikasi yang sesuai sekiranya ingin mengintegrasikan M-Pembelajaran untuk menyampaikan kursus kepada PRS pada masa akan datang.

Penghargaan

Penulisan artikel kajian tindakan ini ialah hasil daripada program 'Action Research On Pandemic

Pedagogy' yang telah dibimbing oleh Dr Mohd Syafiq Aiman Mat Noor, Dr Zailah Zainudin dan Dr Satirah Ahmad (lihat Mat Noor *et al.*, 2021, 2020). Pelibatan rakan sekerja daripada kumpulan rakan kritis, Sekolah Menengah Kebangsaan Julau, Sarawak, Persatuan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sarawak Zon Sarikei, dan Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan (MGKK) Negeri Sarawak telah membantu pengamal dan penyelidik menyempurnakan kajian ini.

ORCID

Daniel Lu Yew Ching 
<https://orcid.org/0009-0000-1352-9577>

Zailah Zainudin 
<https://orcid.org/0009-0007-5118-606X>

Rujukan

1. Ab Rahman, O., Sipon, D. S., & Ahmad, R. (2019). Kesan program latihan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) ke atas tahap konsep sendiri, kemahiran kaunseling dan orientasi belajar pelajar-pelajar [The effect of peer counseling training towards students' self-concept, counseling skill and study orientation]. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(29), 24-35.
2. Abdul Aziz, M. N. & Ahmad, N. S. (2008). Kemahiran belajar dan hubungannya dengan pencapaian akademik: Kajian di daerah Kerian, Perak [The relationship between learning skills and students academic achievement: A study in the district of Kerian, Perak]. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 23, 29-47.
3. Abdul Rahman, Z. (1996). *Pembimbing Rakan Sebaya: Langkah Seterusnya* [Peer Mentoring: Next Steps]. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
4. Ahmad Ibrahim, M. A. (1987). *A Study of Peer Counseling in Secondary Schools in Malaysia*. [Unpublished Doctoral Thesis]. University of Wales, Aberystwyth.
5. Baskerville, D., & Goldblatt, H. (2009). Learning to be a critical friend: From professional indifference through challenge to unguarded conversations. *Cambridge Journal of Education*, 39(2), 205-221.
<https://doi.org/10.1080/03057640902902260>
6. Bowman, R. P. (1986). Peer facilitator programs for middle graders: Students helping each other grow up. *The School Counselor*, 33(3), 221-229.
7. Brown, T. H. (2005). Towards a model for m-learning in Africa. *International Journal on E-learning*, 4(3), 299-315.
8. Decker, B. (1993) *Kemahiran Berkomunikasi* [Communication Skill]. Kuala Lumpur: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
9. Dimyati, M. (2006). *Belajar dan Pembelajaran* [Learning and Learning]. Jakarta: Rineka Cipta.
10. Dopp, J., & Block, T. (2004). High school peer mentoring that works!. *Teaching Exceptional Children*, 37(1), 56-62.
<https://doi.org/10.1177%2F004005990403700107>
11. Durham Peters, J. (2008). Communication: History of the idea. In W. Donsbach (Ed.), *The International Encyclopedia of Communication*.
<https://doi.org/10.1002/9781405186407.wbiecc075>
12. Fenstermacher, G., & Richardson, V. (2005). On making determinations of quality in teaching. *Teachers College Record*, 107(1), 186-213.
13. Fleischman, J. (2001). Going mobile: New technologies in education. *Converge*, 4(5), 38-40.
14. French. (1993). *Corporate Communication* (3rd ed.) New York, NY: McGraw-Hill.
15. Gersten, R., Schiller, E. P., & Vaughn, S. R. (2000). *Contemporary Special Education Research: Syntheses of the Knowledge Base on Critical Instructional Issues*. Routledge.
<https://doi.org/10.4324/9781410605962>
16. Gray, H. D., & Tindall, J. (1974). Communication training study: A model for training junior high school peer counselors. *School Counselor*, 22(2), 107-112.
17. Hendricks, C. (2016). *Improving Schools through Action Research: A Reflective Practice Approach* (4th ed.). New York, NY: Pearson Education.
18. Holmes, D. (2005). *Communication Theory: Media, Technology, Society*. London: Sage.
<https://doi.org/10.4135/9781446220733>

19. Jaafar, J. L. S. (2000). *Psikologi Kanak-kanak dan Remaja* [Child and Adolescent Psychology]. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
20. Jan, C. C., Mohammed, E. B., & Jaehnichen, G. (2012). Pengajaran yang ditonton: Kesan tayangan instruksi audio visual terhadap pembelajaran Caklempong di sekolah menengah [Watched teaching: Effects of audio-visual instruction on Caklempong learning in secondary schools]. *Malaysian Journal of Music*, 1(1), 41-57.
21. Johnston-Wilder, S., Lee, C., & Pimm, D. (2016). *Learning to Teach Mathematics in the Secondary School: A Companion to School Experience* (4th ed.). London: Routledge.
<https://doi.org/10.4324/9781315672175>
22. Jumelan, J. E. (2014). *Penguasaan Kemahiran Insaniab Pelajar dalam Penglibatan Aktiviti Kokurikulum Badan Beruniform di UTHM* [Mastery of Students' Soft Skills in Involvement in Uniformed Body Co-Curricular Activities at UTHM]. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
23. Kementerian Pelajaran Malaysia [KPM] (2010). *Modul Pembimbing Rakan Sebaya Kebangsaan* [National Peer Mentoring Module]. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
24. Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025* [Malaysia Education Blueprint 2013-2025]. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
25. Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM] (2018). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah* [Classroom Assessment Implementation Guide]. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
26. Kuh, L. P. (2016). Teachers talking about teaching and school: Collaboration and reflective practice via critical friends groups. *Teachers and Teaching*, 22(3), 293-314.
<https://doi.org/10.1080/13540602.2015.1058589>
27. Littlejohn, S.W. (2002). *Theories of Human Communication* (7th ed.). Belmont, CA: Wadsworth.
28. Looi, C. K., Seow, P., Zhang, B., So, H. J., Chen, W., & Wong, L. H. (2010). Leveraging mobile technology for sustainable seamless learning: A research agenda. *British Journal of Educational Technology*, 41(2), 154-169.
29. Mat Noor, M. S. A., & Shafee, A. (2021). The role of critical friends in action research: A framework for design and implementation. *Practitioner Research*, 3, 1-33.
<https://doi.org/10.32890/pr2021.3.1>
30. Mat Noor, M. S. A., Ahmad, S., & Zainudin, Z. (2020). Initiating a professional development on action research during the COVID-19 pandemic. *EdArXiv*.
<https://doi.org/10.35542/osf.io/3nd9k>
31. Mat Noor, M. S. A., Ahmad, S., & Zainudin, Z. (2021). Pelaksanaan program pembangunan profesionalisme berterusan secara dalam talian (e-PPB) mengenai kajian tindakan semasa pandemik Covid-19 [The implementation of online continuing professional development (e-CPD) programme on action research during Covid-19 pandemic]. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(4), 51-64.
32. McNiff, J. (2007). My story is my living educational theory. In D. J. Clandinin (Ed.), *Handbook of Narrative Inquiry: Mapping a Methodology* (pp. 308-329). Thousand Oaks, CA: Sage.
<https://doi.org/10.4135/9781452226552.n12>
33. McNiff, J. (2017). *Action Research: All You Need To Know*. London: Sage.
34. McNiff, J., & Whitehead, J. (2012). *Action Research for Teachers: A Practical Guide*. London: David Fulton Publishers.
<https://doi.org/10.4324/9780203462393>
35. Merriam, S. B. (2002). *Qualitative Research in Practice: Examples for Discussion and Analysis*. New York, NY: John Wiley & Sons.
36. Natashadora N. (2013). *Penguasaan Kemahiran Komunikasi Interpersonal dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional di UTHM* [Mastery of Interpersonal Communication Skills among First Year Students of the Faculty of Technical and Vocational Education at UTHM] [Unpublished Doctoral Thesis]. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
37. Nazaruddin, M., & Ningsih, I. N. D. K. (2018). Communication theory teaching and the challenges of de-westernization of

- communication theories. *Asian Journal of Media and Communication*, 2(1), 1-14.
<https://doi.org/10.20885/asjmc.vol2.iss1.art1>
38. Newhouse, C. P., Williams, P. J., & Pearson, J. (2006). Supporting mobile education for pre-service teachers. *Australasian Journal of Educational Technology*, 22(3), 289-311.
<https://doi.org/10.14742/ajet.1288>
39. Reason, P. (1998). A participatory world. *Resurgence*, 168, 42-44.
40. Rosenblatt, S. B., Cheatham, T. R., & Watt, J. T. (1983). *Communication in Business* (2nd ed.). Hoboken, NJ: Prentice Hall.
41. Roslin, N. & Mohamad Salleh, N. (2021). Penggunaan M-Learning sebagai bahan bantu pengajaran dalam kelas pendidikan khas [M-Learning as A Teaching Aids in Special Education Classes]. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(5), 53-63.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i5.781>
42. Seymour, D. (1960). Readers' comments. *Social Casework*, 41(5), 259-260.
<https://doi.org/10.1177/104438946004100507>
43. Siraj, S., Siraj, F., & Norman, M. H. (2012). *mLearning: A New Dimension of Curriculum Advancement*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
44. Stringer, E.T. (2014). *Action Research* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
45. Swaffield, S. (2005). No sleeping partners: Relationships between head teachers and critical friends. *School Leadership & Management*, 25(1), 43-57.
<https://doi.org/10.1080/1363243052000317082>
46. Traxler, J., & Kukulska-Hulme, A. (2005). *Mobile Learning: A Handbook for Educators and Trainers*. Oxon: Routledge.
<https://doi.org/10.4324/9780203003428>
47. Yang, H. (2020). Secondary-school students' perspectives of utilizing TikTok for English learning in and beyond the EFL classroom. In L. Li (Ed.), *2020 3rd International Conference on Education Technology and Social Science* (pp. 163-183). <https://doi.org/10.23977/ETSS2020030>
48. Yusri, Y., Rosida, A., Jufri, J., & Mantasiah, R. (2018). Efektivitas penggunaan media YouTube berbasis various approaches dalam meningkatkan motivasi belajar bahasa inggris [The effectiveness of using Youtube media based on various approaches in increasing motivation to learn English]. *Eralingua: Jurnal Pendidikan Bahasa Asing dan Sastra*, 2(2), 77-82.
<https://doi.org/10.26858/eralingua.v2i2.6760>
49. Zainun, Z., & Mat Noor, M. S. A. (2022). The implementation of a bakery sales project during the COVID-19 pandemic to improve the employability of Semai indigenous students. *International Journal of Action Research*, 17(3), 244-267. <https://doi.org/10.3224/ijar.v17i3.04>
50. Zainun, Z., Mat Noor, M. S. A. ., Ahmad, S., & Razalli, A. R. (2021). Meningkatkan kebolehpasaran murid-murid orang asli semai melalui projek jualan bakeri semasa perintah kawalan pergerakan (PKP) pandemik COVID-19 [Improving the Employability of Semai Indigenous Pupils through a Bakery Sales Project during the Movement Control Order (MCO) of COVID-19 Pandemic]. *Online Journal for TVET Practitioners*, 6(2), 50-67.
<https://doi.org/10.30880/ojtp.2021.06.02.007>